

28 MAR 2000

Iraq-Sekatan/I

PENYELARAS PBB LETAK JAWATAN SEBAGAI MEMBANTAH SEKATAN

Oleh: Ali Mamat

BAGHDAD, 28 Mac (Bernama) -- Penyelaras Kemanusiaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di Iraq, Hans Von Sponeck meletakkan jawatan berkuatkuasa esok (Rabu) sebagai membantah penerusan sekatan ekonomi terhadap Iraq.

Sponeck berkata, beliau mengambil tindakan drastik itu kerana "ia tidak bermoral dan tidak beretika bagi beliau untuk menjadi pihak kepada ketidakadilan terhadap rakyat Iraq yang tidak bersalah.

"Saya membuat keputusan itu kerana saya tahu apa yang berlaku di Iraq satu kesilapan yang sangat membebankan dan terdapat banyak fakta untuk membuktikan hakikat ini," kata beliau kepada satu delegasi Malaysia yang dalam rangka lawatan ke republik itu, di sini, semalam.

Delegasi itu diketuai oleh Pengerusi BAKTI Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali yang juga isteri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sekatan PBB itu dikenakan ekoran tindakan Iraq menakluki Kuwait pada 1990 sebelum tentera pelbagai negara yang diketuai Amerika Syarikat membebaskan Iraq.

Sponeck berkata, beliau kecewa apabila Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) gagal memasukkan penilaian keseluruhannya akan keadaan di Iraq dalam laporannya baru-baru ini.

"Sebenarnya, Amerika, sebagai wakil tetap majlis itu memberitahu saya supaya tidak bertindak melampaui mandat saya, bukan mentafsirkan tetapi hanya menguruskan dan saya tidak kompeten," katanya.

Pegawai PBB itu berkali-kali telah menyeru supaya Majlis Keselamatan menarik balik sekatan itu dan mengkaji semula dasar 'minyak-bagi-makanan' yang dikenakan terhadap Iraq untuk memberi negara itu peluang untuk meningkatkan ekport minyak untuk membeli keperluan rakyatnya.

Sekatan itu, kata beliau, pada mulanya bertujuan menghukum kerajaan Iraq (kerana menakluki Kuwait) tetapi malangnya, rakyatnya yang tidak berdosa yang terpaksa menanggung kesengsaraan.

"Sekatan itu menyebabkan kemusnahan struktur sosio ekonomi negara itu termasuk keperluan asas rakyat dalam penjagaan kesihatan, pendidikan, penggajian dan infrastruktur," kata Sponeck.

Beliau menekankan yang lebih ramai rakyat negara itu kini tidak mempunyai pekerjaan, ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke jalan-jalan untuk meminta sedekah di sebalik menghantar mereka ke sekolah, kadar kematian yang meningkat dan kekurangan zat makanan semakin terjadi.

Sponeck yang telah berkhidmat sebagai Penyelaras Kemanusiaan di Iraq sejak 17 bulan lepas menyeru negara-negara di dunia untuk mencontohi keberanian Malaysia yang sebagai anggota bukan tetap Majlis Keselamatan PBB lantang dalam membantah penerusan sekatan itu.

"Saya sangat bangga dengan keberanian yang ditunjukkan oleh Malaysia dalam usahanya membawa keadilan dan kebebasan bagi rakyat Iraq yang tidak bersalah," katanya.

-- BERNAMA

ALI PR